

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI**
[KOTA MARUDU]
TARIKH SOALAN : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah program-program baru untuk membentuk usahawan-usahawan baru yang berdaya tahan dan kompetitif di kalangan orang asal “natives” di Sabah dan Sarawak. Dari segi rekod pada masa kini berapa jumlah usahawan bumiputera kecil, sederhana dan besar/utama di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak 61,036 PKS berdaftar di Sarawak dan sebanyak 55,702 PKS berdaftar di Sabah manakala seramai 46,766 dan 32,377 orang usahawan mikro di Sabah dan Sarawak.
2. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah merasionalisasi dan memperkasakan inisiatif/program seperti berikut bagi membentuk usahawan-usahawan baru yang berdaya tahan dan kompetitif di Sabah dan Sarawak:

(i) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0 oleh SME Corp

Program ini memfokuskan kepada golongan B40 dan luar bandar. Pada tahun 2019, program ini telah dirasionalisasikan semula dan diperkukuhkan dengan penyertaan daripada Orang Asal menerusi pelaksanaan TUBE 6.0. Sehingga Ogos 2019, sejumlah 4,422 belia Bumiputera telah dilatih di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut, 408 adalah peserta dari Sarawak manakala 490 adalah peserta dari Sabah.

(ii) Program Million Ringgit Coop League (MiRiCLe) oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM)

Merupakan salah satu inisiatif bagi membantu koperasi kluster kecil dan sederhana yang berpotensi membangun dengan lebih terancang melalui tawaran nilai sebagai rakan solusi strategik koperasi. Sebanyak 200 buah koperasi yang berpotensi telah dikenalpasti untuk menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 buah koperasi di Sabah dan 17 buah

koperasi di Sarawak telah bersetuju menyertai MiRiCLe bagi tahun 2019.

(iii) Program baharu di bawah Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)

Program PROTÉGÉ *Reach Out* memberikan pendedahan bidang keusahawanan kepada para pelajar dan masyarakat dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sehingga 30 Mac 2019, program ini telah dilaksanakan di 14 IPT termasuk di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 10 hingga 11 April 2019 dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 2 Mei 2019. Siri jelajah fasa II sedang dilaksanakan di 10 Universiti seluruh Malaysia yang telah bermula pada 29 September 2019 yang lalu.

(iv) Program-program PKS oleh SME Bank

Program “*Outreach*” atau sesi bertemu pelanggan dan usahawan baru di peringkat negeri Sabah telah diadakan di Tawau pada 2 Mei 2019 dan Kota Kinabalu pada 3 Oktober 2019 yang menghimpunkan seramai 229 usahawan.

Manakala diperingkat negeri Sarawak, program *outreach* telah dijalankan pada 24 April 2019 yang diadakan di Kuching yang melibatkan 59 syarikat dan 79 pengunjung serta pada 31 Oktober 2019 yang diadakan di Miri yang melibatkan 55 syarikat dan 100 orang pengunjung.

(v) Program keusahawanan oleh INSKEN

Kursus keusahawanan jangka pendek dan program “mentoring/coaching” oleh INSKEN seperti:

- INSKEN Business Coaching: Cafe/Restaurant@Sarawak telah dilaksanakan pada Mei hingga September 2019 dengan penyertaan seramai 25 usahawan;
- INSKEN Business Coaching: Homestay@Sarawak telah dilaksanakan pada Mei hingga September 2019 dengan

NO. SOALAN: 4

penyertaan seramai 30 usahawan daripada 14 *homestay*; dan

- INSKEN Business Coaching: SPA@Sabah/Sarawak dan INSKEN Business Coaching: Postnatal@Sabah/Sarawak dijadual dilaksanakan sebelum penghujung tahun 2019.

(vi) Program-program anjuran MaGIC bersama komuniti tempatan

- a) Kerjasama dengan komuniti tempatan seperti Borneo Startups Community, Borneo Re-Alliance Avenue for Entrepreneurs, Sabah Momspreneur telah dijalankan melalui Youth Co: Lab Bootcamp, Start-up Weekend bersama BoSCo pada Mac 2019 bagi menggalakkan pembangunan usahawan berinovasi di Sabah. Manakala di Sarawak kerjasama dengan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) telah diadakan pada Mei 2018 dan Koperasi Belia Inovatif Sarawak (KOBIS) pada Mac hingga Mei 2018 untuk memupuk semangat keusahawanan, kesenian dan kebudayaan di kalangan penduduk setempat.
- b) MaGIC juga dalam perbincangan bersama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Sabah bagi membantu mewujudkan Pusat Kreatif Ekonomi dan Inovasi (PKEI) di Sabah.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN: 4